



Headline: Takut, panic punca mudah tertipu Macau Scam  
Publication/Portal: www.karangkraf.com  
Date: 17 July 2018

Language: Malay  
Section: Berita  
Page: -

## **Takut, panik punca mudah tertipu Macau Scam**

Muhammad Afham Ramli  
17 Julai 2018



Mazlan bersalaman dengan pegawainya dalam Perhimpunan Bulanan Ketua Polis Selangor di Menara 2 IPK Selangor, hari ini.

SHAH ALAM - Takut dan mudah panik menjadi punca utama menyebabkan mangsa mudah terpedaya dengan sindiket Macau Scam.

Ketua Polis Selangor Datuk Mazlan Mansor berkata, dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini, di Selangor telah mencatatkan kerugian sebanyak RM16.6 juta, berbanding tempoh yang sama tahun lalu iaitu RM6.6 juta.

Menurutnya, ini menunjukkan bertaku peningkatan sebanyak 149 peratus.

"Perbezaan ketara ini disumbangkan dengan penipuan penyamaran sebagai polis dan kad kredit.

"Sepanjang Januari hingga Jun tahun ini, penyamaran polis mencatatkan 273 kes berbanding tahun sebelumnya dalam tempoh sama dengan 132 kes, manakala kad kredit pula 56 kes tahun ini berbanding tahun 2017 sebanyak 268 kes," katanya dalam sidang media selepas Perhimpunan Bulanan Ketua Polis Selangor, di Menara 2 Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, di sini, hari ini.

Mazlan berkata, perkara ini dilihat amat membimbangkan walaupun peringatan telah diberikan oleh Bukit Aman dan kontinjen negeri.

Katanya, apa yang dibimbangkan adalah mangsa-mangsa ini terpedaya sehingga mengeluarkan wang simpanan untuk dimasukkan ke dalam akaun yang diarahkan sindiket penyamaran.

"Jika dilihat punca, mangsa bertindak sedemikian kerana takut dan panik kerana suspek yang menyamar sebagai penguatkuasa akan mengatakan mangsa ini terlibat dalam penggubahan wang haram, jenayah, dadah, penipuan kad kredit dan trafik sebelum diugut akan menahan dan menangkap mangsa.

"Suspek akan arahkan untuk memindahkan wang dari akaun mangsa ke akaun ssppek kononnya bagi pihak bank menjalankan siasatan. Selepas wang tersebut dipindahkan, suspek terus menghilangkan diri," katanya.

Tambahnya, kebanyakan kes sindiket ini akan menyamar sebagai sebagai polis, pegawai bank, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan kastam.

"Orang ramai yang terima panggilan sedemikian diminta usah cepat panik. Rujuklah di balai berdekatan bagi memastikan kesahihan perkara itu," katanya.